

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 12 OKTOBER 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita. Pertemuan kita ini bukan hanya sebagai tempat untuk menyihatkan badan tetapi sebagai wadah untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

My respected staff, Ladies and Gentlemen,

It is a great honor for us to have **Y. Bhg. Dato Yusof bin Jusoh, the Executive Chairman Proven Group of Companies** as our Adjunct Professor. He is supposed to join us today but unfortunately, he is still working on his final preparation for his lecture this afternoon. For your information, Dato Yusof will be delivering his lectures in the **Academic Lecture Series 2011** entitled "**Entrepreneurship and Engineering**" which will be held at Dewan Capitol today.

To all UniMAP staff, please take this opportunity to enhance and expand your knowledge in entrepreneurship and engineering. We are indeed very fortunate to have Dato Yusof to share and exchange ideas with us in UniMAP. Hopefully, this opportunity could be benefited as best as possible.

Hadirin sekalian,

Minggu lepas merupakan minggu yang agak senggang buat kita di UniMAP. Hanya terdapat beberapa aktiviti sahaja yang mengisi jadual kita pada minggu lepas. Pada 1 Oktober lalu, seramai 49 kadet PALAPES UniMAP yang telah menamatkan latihan ketenteraan selama tiga tahun baru-baru ini dan ditauliahkan sebagai pegawai muda dalam Regimen Askar Wataniah diraikan dalam satu majlis Santapan Regimental di Eastin Hotel, Pulau Pinang. Pada majlis tersebut Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor UniMAP berkenan bercemar duli berangkat bersama Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah merangkap Pro Canselor UniMAP. Saya berbangga dengan kekuatan fizikal yang dimiliki anak didik saya ini kerana berjaya menamatkan latihan mereka walaupun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan.

Semoga anak didik saya ini bakal menjadi graduan yang memiliki nilai murni yang tinggi dan menjadi seorang graduan yang bukan sahaja berkualiti, bahkan mampu menjadi aset yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Selain itu pada 7 Oktober yang lalu, kita berasa sangat berbesar hati kerana seramai 49 orang Pelatih Kor Sukarelawan Siswa Siswi (Suksis) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang ditauliahkan sebagai inspektor kadet pada bulan Julai lalu dan telah diraikan dalam Majlis Makan Malam yang dihadiri oleh Ketua Polis Perlis, SAC Zul Aznam Haron.

Dalam ucapannya ada menyebut adalah wajar sekiranya pelatih Kor Suksis menunjukkan teladan yang baik untuk dicontohi oleh pelajar-pelajar UniMAP dan juga masyarakat di Perlis. Beliau turut berpesan agar pelatih Kor Suksis UniMAP sentiasa menjaga disiplin dan etika sebagai anggota Suksis yang membawa imej Polis Diraja Malaysia.

Jika buruk disiplin dan etika mereka ini maka busuklah juga nama PDRM ini. Saya berharap agar pesanan ini tertanam di ingatan para pelajar Suksis kita. Amin.

Hadirin sekalian,

Tidak ketinggalan, saya juga telah diberi kepercayaan untuk menjadi pengurus Masjid Terapung Kuala Perlis atau namanya, Masjid Al - Hussain yang telahpun dirasmikan oleh DYMM Raja Perlis pada 8 Oktober yang lalu.

Dengan kepercayaan yang diberikan ini saya bersama jawatankuasa yang lain akan merancang pelbagai aktiviti dalam usaha mengimarahkan masjid ini.

Selain itu dua lagi warga UniMAP turut dilantik sebagai jawatankuasa masjid iaitu Ustaz Mohd Nazim Md Noor dilantik menjadi setiausaha, dan Dato' Alim Panglima Mat Jahya Hussin. Saya percaya masjid ini bukan sahaja menjadi tempat untuk beribadah tetapi bakal menjadi mercu tanda baru buat negeri Perlis yang kita cintai ini.

Pada 8 Oktober juga, UniMAP telah menjadi tuan rumah Festival Nasyid Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) peringkat Kebangsaan kali ke-8 yang berlangsung di Dewan Capitol. Festival ini telah disertai 13 kumpulan keseluruhannya dan telah muncul johan adalah Pasukan Damai dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Manakala kita pula hanya sekadar berpuas hati di tempat kedua namun kita juga turut menerima anugerah persembahan terbaik dan Kumpulan Khas Juri Terbaik. Ini sekaligus mengubati sedikit kekecewaan di hati. Saya percaya kita telah melakukan yang terbaik, cuma rezeki tidak memihak kepada kita untuk menjadi johan pertandingan pada tahun ini. Semoga kumpulan kita iaitu Shoutul Ikhwan akan memberikan persembahan terbaik tahun hadapan seterusnya layak dinobatkan sebagai johan Festival ini.

Pada 13 Oktober nanti iaitu esok, saya dan delegasi UniMAP akan terbang ke Medan bagi memenuhi jemputan dalam Seminar Nasional Informatika anjuran Koordinasi Perguruan Tinggi Swasta Wilayah I, Nanggroe Aceh Darussalam – Sumatera Utara (KOPERTIS).

Saya dijemput sebagai salah seorang yang akan menyampaikan ucaptama mengenai perkembangan ICT di Malaysia dan juga Indonesia. Saya yakin dengan kemudahan ICT di Malaysia terutamanya di UniMAP ini, pasti sesuatu dapat dikongsikan bersama-sama para hadirin di seminar tersebut.

Hadirin sekalian,

Rasanya cukuplah setakat ini. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya kongsikan sedikit mengenai transformasi minda. Saya mahu setiap warga UniMAP mempunyai nilai-nilai seperti inovasi, berprestasi tinggi, ketepatan, ketabahan, intergriti, berilmu, setia dan bijaksana. Saya mahu setiap warga UniMAP untuk spesifikkkan matlamat anda. Apa yang anda mahu sumbangkan kepada UniMAP. Seterusnya membina strategi dan bertindaklah secara konsisten.

Tanamkan di hati untuk mengubah sesuatu yang gagal kepada maklumbalas. Percaya bahawa sistem kepercayaan akan memberi kekuatan kepada kita untuk menghadapi cabaran dan nilai-nilai yang saya sebutkan tadi sebagai kuasa yang mendorong kita untuk mencapai kejayaan.

Apabila kita mempelajari bagaimana untuk mengubah '**subconscious mind**' kita, kita mampu mengubah bagaimana tubuh bertindak balas. Dengan ini, saya pasti kita akan dapat mencapai apa juar yang kita fikirkan.

**Menjadi sebutan, di pelbagai lapangan,
Dek kejayaan, dilakar cemerlang,
Tingkatkan usaha, atasi halangan,
Transformasi minda, kunci gemilang.**

Sekian. Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.